

25 OCT 1999

Mahathir-Pegawai

DR MAHATHIR INGATKAN PEGAWAI KERAJAAN BERTUGAS SECARA PROFESIONAL

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta semua pegawai kerajaan supaya menjalankan tugas mereka secara profesional tanpa dipengaruhi sentimen politik.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali berkata Perdana Menteri bagaimanapun menekankan bahawa itu tidak bermakna pegawai-pegawai kerajaan tidak boleh mempunyai pendirian politik.

"Mereka berhak mempunyai pendirian politik masing-masing, tetapi apabila menjalankan tugas, janganlah mencampur aduk atau dipengaruhi oleh sentimen politik tadi," kata Abdul Halim kepada pemberita selepas majlis amanat dan dialog pegawai-pegawai kerajaan bersama Perdana Menteri di Hotel Palace Of The Golden Horses di sini.

Perdana Menteri meluangkan masa dua jam berucap dan berdialog dengan pegawai-pegawai kerajaan pada majlis tertutup itu.

Ia disertai oleh kira-kira 2,000 pegawai dari kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dari seluruh negara.

Majlis itu dianjurkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

Abdul Halim berkata, Perdana Menteri telah menyebut kes guru yang menyediakan soalan peperiksaan berunsur politik di sebuah sekolah di Kedah sebagai suatu contoh perbuatan yang bertentangan dengan peranan pegawai kerajaan.

"Kes itu menunjukkan bahawa pegawai ini telah dipengaruhi oleh sentimen politik sehingga tugas profesionalnya sebagai guru telah dikelabui oleh sentimen-sentimen politik," katanya.

Abdul Halim berkata Dr Mahathir mahu pegawai kerajaan mengekalkan peranan penting mereka sebagai pelaksana dasar-dasar kerajaan terutamanya dalam melaksanakan projek pembangunan negara.

Ketua Setiausaha Negara itu berkata, semasa sesi dialog Dr Mahathir mendengar beberapa cadangan tentang bagaimana kerajaan dapat meningkatkan lagi sokongan rakyat serta pegawai kerajaan melalui usaha penerangan tentang dasar-dasar kerajaan.

Ada juga pegawai yang membangkitkan tentang perlunya diperbaiki syarat-syarat perkhidmatan, katanya.

-- BERNAMA

AFY MAI